

19 MAR 2000

PENCALONAN KU LI UNTUK TIMBALAN DAN NAIB PRESIDEN UMNO GAGAL

KUANTAN, 19 Mac (Bernama) -- Percubaan untuk mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Timbalan dan Naib Presiden Umno pada persidangan perwakilan Umno bahagian Kuantan hari ini gagal.

Tengku Razaleigh, yang dicalonkan untuk jawatan Timbalan Presiden Umno oleh Bendahari Umno bahagian Kuantan Shaharom Zainuddin, hanya memperolehi 65 undi manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menerima pencalonan bagi jawatan yang sama daripada Anggota Jawatankuasa bahagian, Fauzun Abdul Samad pula mendapat 199 undi.

Pengundian dijalankan secara undi sulit dan sebanyak dua undi rosak. Persidangan perwakilan itu yang dirasmikan oleh Ketua Umno Bahagian Datuk Fauzi Abdul Rahman dihadiri oleh 266 wakil.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan sebulat suara bagi mempertahankan jawatannya pada pemilihan parti Mei ini.

Tengku Razaleigh, yang turut dicalonkan bagi jawatan Naib Presiden Umno oleh Ketua Umno cawangan Seri Kemunting, Haji Mohamad bin Yahaya, bagaimanapun gagal terpilih untuk tiga jawatan naib presiden yang ditawarkan itu.

Tiga tokoh yang dicalonkan bagi jawatan Naib Presiden Umno ialah Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Abu Hassan Omar dan Datuk Seri Osu Sukam.

Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Datuk Adam Kadir masing-masing dicalonkan sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Tetap.

Calon-calon bagi kerusi Majlis Tertinggi Umno pula ialah Datuk Fauzi Abdul Rahman, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Zainal Abidin Zain, Datuk Nazri Abdul Aziz, Datuk Hasan Arifin, Datuk Seri Tengku Azlan Almarhum Sultan Abu Bakar, Datuk Azmi Khalid, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Tan Sri Kasitah Gadam, Datuk Aziz Shamsuddin, Datuk Dr Hilmi Yahaya, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Dr Afifuddin Omar, Datuk Hashim Saffin, Datuk Wira Ali Rustam, Datuk Tan Aminuddin Ishak, Datuk Shafie Salleh, Dr Noraida Mohamad, Datuk Abu Zahar Ujang, Azim Zabidi, Datuk Mahadzir Mohamad Khir, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Yaakob Mohamad, Datuk Rahim Bakar dan Datuk

-- BERNAMA

ROS PR